

**TEKS UCAPAN KETUA PENGARAH JBG**  
**PERHIMPUNAN BULANAN BHEUU**  
**4 APRIL 2013 (KHAMIS)**

*(Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis)*

*Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia saya ucapkan kepada YBhg. Dato' Ismail bin Ibrahim, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, YBhg. Puan Rohana binti Abdul Malek, Ketua Pengarah Insolvensi, semua Timbalan Ketua Pengarah, pegawai-pegawai kanan BHEUU, JBG dan Mdl serta tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian...*

Bersyukur kita ke hadrat Allah swt kerana dengan berkat dan limpah kurnia-Nya, maka dapatlah kita berjumpa sekali lagi dalam perhimpunan bulanan BHEUU pada pagi yang ini.

Perhimpunan bulanan ini bukanlah sekadar untuk memenuhi tuntutan jadual tetapi juga sebagai medium untuk kita bersama-sama berkongsi ilmu di samping merapatkan lagi silaturahim yang telah sedia terjalin antara warga BHEUU, JBG dan Mdl. Saya sedia maklum bahawa kesibukan tugas kadang kala menyebabkan kita tidak bersempatan untuk bertanya khabar walaupun teknologi dalam bidang perhubungan begitu canggih. Adakalanya hanya berjumpa sekali sekala sama ada dalam lif atau di kafeteria. Begitulah hebatnya cabaran penjawat awam pada masa kini. Saya berharap kita tidak mengabaikan hubungan yang baik kerana *networking* merupakan aspek yang sangat penting bagi ketiga-tiga warga Jabatan dalam melaksanakan tugas seharian khususnya yang berkait rapat antara satu sama lain kerana ia amat membantu dalam proses membuat keputusan yang cepat dan tepat seterusnya melancarkan proses pelaksanaan, pemantauan dan penilaian sesuatu tugas.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

**Sukacita saya ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan ke atas Laporan Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan Tahunan 2012 yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 19 Mac 2013 yang lalu di Angkasapuri, Kuala Lumpur.**

**Dalam pembentangan tersebut, YAB Perdana Menteri telah melaporkan pencapaian-pencapaian yang berjaya dizahirkan di bawah tujuh bidang keberhasilan utama seperti yang berikut :**

- (1) Menangani Kos Sara Hidup Rakyat – Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 37.8 billion ringgit bagi membiayai pelbagai bentuk pemberian yang merangkumi 22.3 billion ringgit untuk subsidi, 873.5 juta ringgit untuk insentif dan 14.6 billion ringgit untuk bantuan;**
- (2) Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah – kadar kemiskinan telah berjaya dikurangkan kepada 1.7 peratus melalui program Akhiri Zaman Miskin atau 1AZAM, program e-Kasih dan penyediaan 100,000 unit kediaman mampu milik;**
- (3) Mempertingkat Insfrastruktur Asas Luar Bandar – melalui pembinaan 3,300 kilometer jalan raya, 1.4 juta isi rumah dibekalkan dengan air bersih dan lebih 470 ribu isi rumah mendapat akses elektrik;**

- (4) Mempertingkat Pencapaian Pelajar – kemasukan ke prasekolah telah berjaya ditingkatkan dari 67% pada tahun 2009 kepada 80% atau 770 ribu pelajar pada tahun 2012;**
- (5) Mempertingkat Pengangkutan Awam Bandar – melalui penambahan tren enam gerabak bagi tren komuter KTM, perkhidmatan bas GoKL yang menawarkan perjalanan percuma serta pelaksanaan Sistem Maklumat Penumpang bagi memberi maklumat mengenai masa perjalanan bas;**
- (6) Membanteras Rasuah – inisiatif Kerajaan telah menunjukkan keberkesanan apabila kedudukan Indeks Persepsi Rasuah oleh Transparency International negara telah bertambah baik enam anak tangga kepada kedudukan ke-54 pada tahun 2012 dan berada pada kedudukan ketiga di kalangan Negara ASEAN; dan**
- (7) Mengurangkan Jenayah – kadar jenayah telah berjaya dikurangkan sehingga 27% dalam tempoh tiga tahun.**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati,**

**Berhubung dengan pencapaian-pencapaian tersebut, saya tidak sesekali ingin mengaitkannya dengan keadaan (politik) negara pada masa kini tetapi saya ingin membawa tuan-tuan dan puan-puan kepada peranan kita semua sebagai penjawat awam. Angka yang dipaparkan dalam pencapaian tersebut bukan sahaja menilai output yang telah kita hasilkan tetapi juga menilai impaknya kepada**

kehidupan rakyat termasuk diri kita memandangkan penjawat awam adalah sebahagian daripada rakyat yang menerima faedah daripada program yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

YAB Perdana Menteri sewaktu membentangkan laporan berkenaan telah menyatakan penghargaan beliau seperti yang berikut :

*“.....suka saya melaporkan kepada rakyat Malaysia bahawa dengan berkat kerjasama dan usaha gigih semua pihak sama ada rakyat terbanyak, pihak swasta, penjawat awam mahupun anggota pentadbiran, sebahagian besar matlamat yang telah dirancang telah berjaya dicapai”*

Dalam hal ini, kita dituntut untuk terus meningkatkan usaha dan kerjasama dengan pelbagai pihak walaupun mungkin kita tidak terlibat secara langsung dalam ketujuh-tujuh bidang keberhasilan tersebut. Namun begitu, apa yang jelas adalah kewujudan dan fungsi setiap Jabatan menyumbang kepada kesejahteraan hidup masyarakat dan kemakmuran negara Malaysia.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan....

Kita tidak dapat lari daripada hakikat bahawa negara akan melaksanakan proses pembentukan Kerajaan baru melalui pilihan raya yang akan diadakan pada bila-bila masa. Dalam hal ini, saya tidak bermaksud untuk menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan politik tetapi sekadar mengingatkan diri sendiri dan juga tuan-tuan dan puan-puan bahawa kita perlu menjalankan tanggungjawab sebagai pemilih (pengundi) dalam pilihan raya yang akan datang. Harapan saya jadilah pengundi yang bijak dan pada masa yang sama sentiasa menjaga imej sebagai penjawat awam.

Tuan-tuan dan puan-puan,

**Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya berharap kita semua mendapat manfaat daripada perkongsian ilmu dalam perhimpunan ini seterusnya membantu kita dalam melaksanakan tugas dengan lebih gigih dan cemerlang pada masa-masa akan datang.**

**Dengan itu, saya sudahi dengan ucapan terima kasih.**

***Assalamualaikum Wbt..***